


# TAKAFULINK DANA ASIA

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2023



## TAKAFUL & KAMI

---

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, keterjaminan, jaminan kolektif dan usahasama. Secara umum, takaful adalah berasaskan aturan kerjasama (Ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip kesepakatan dan solidariti, merangkumi unsur-unsur perlindungan dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana\* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

*\* Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan patuh Syariah.*

## TAKAFULINK DANA ASIA

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Asia (Dana) bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah dalam rantau Asia Pasifik kecuali Jepun, termasuk Malaysia.
Strategi & Pendekatan Pelaburan	<p>Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam sebuah skim pelaburan kolektif Islam (Dana Sasaran) yang melabur dalam pasaran rantau Asia Pasifik kecuali Jepun, termasuk Malaysia.</p> <p>Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, kaedah dan kedudukan. Peruntukan kepada, atau Dana Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p><i>Nota: Rujuk kepada pernyataan tambahan untuk butiran Dana Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran; dan</li><li>• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.</li></ul>
Tanda Aras Prestasi	<p>30% Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia (FBMS) + 70% Indeks Islam MSCI AC Asia ex Japan</p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh didapati daripada laman web Bursa Malaysia, <a href="https://www.bursamalaysia.com/">https://www.bursamalaysia.com/</a>.</i></p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai Indeks Islam MSCI AC Asia ex Japan boleh didapati daripada laman web MSCI, <a href="https://www.msci.com/">https://www.msci.com/</a>.</i></p>
Pengurus Dana	Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898 (740651-H))

Yuran & Caj	
Caj Wakalah Pengurusan Aset	1.50% setahun
Caj-caj Lain	<p>Termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Yuran audit</li><li>• Caj lain yang dibenarkan</li></ul>

## TAKAFULINK DANA ASIA

### Penyataan Tambahan untuk Takafulink Dana Asia

Takafulink Dana Asia disalurkan ke dalam Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund (dahulunya dikenali sebagai CIMB Islamic DALI Asia Pacific Equity Growth Fund), yang diuruskan oleh Principal Asset Management Berhad (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset sebanyak 1.50% pada peringkat Dana dan tiada caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset pada peringkat Dana Sasaran.

### Prestasi Dana

Tahun	Prestasi Sebenar	Tanda Aras^^
2023	9.92%	11.97%
2022	(16.85%)	(15.31%)
2021**	0.26%	(1.89%)

\*\* Takafulink Dana Asia dilancarkan pada 10 Mei 2021. Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

^^ 30% FBMS + 70% Indeks Islam MSCI AC Asia ex Japan

Sejarah Prestasi Dana untuk Dana Sasaran, Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund adalah seperti berikut:

Tahun	2023	2022	2021	2020	2019
Prestasi Bersih (%)	11.38	(18.57)	4.47	24.91	15.73
Tahun	2018	2017	2016	2015	2014
Prestasi Bersih (%)	(15.58)	20.73	(1.10)	9.99	3.54

Prestasi dikira pada NAV# (tahun  $n-1$ ) hingga NAV# (tahun  $n$ ) dengan pendapatan kasar atau dividen yang dilaburkan semula.

# NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund.

Maklumat lanjut mengenai Dana Sasaran boleh didapati daripada <https://www.principal.com.my/>.

# TAKAFULINK DANA ASIA

## Prestasi Dana

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

\* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

**Nota Penting:** Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata, bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

## Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

## Faktor Risiko & Strategi Pengurusan Risiko

Sila rujuk Lampiran 1 untuk Faktor Risiko dan Strategi Pengurusan Risiko yang terperinci.

## TAKAFULINK DANA ASIA

Maklumat Lain	
Pasaran Sasaran	Peserta yang ingin mendapatkan peningkatan modal dalam pelaburan jangka panjang dengan toleransi risiko tinggi dan ingin mempunyai pendedahan pelaburan di rantau Asia-Pasifik kecuali Jepun, termasuk Malaysia.
Asas & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.</li><li>• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset sandaran Dana, perbelanjaan bersih dan dibahagikan mengikut bilangan unit yang dikeluarkan.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana Takafulink tertentu selepas ditolak perbelanjaan untuk mengurus, memperoleh, menyelenggara dan menilai aset dana tersebut, cukai (jika ada) atau levi berkanun lain yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal ke atas aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau jangkaan.</li><li>• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.</li><li>• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.</li><li>• Tarikh penilaian ialah tarikh seperti yang ditentukan oleh PruBSN dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.</li><li>• Harga unit Dana akan dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian), Bagaimanapun, oleh kerana nilai pelaburan Dana semasa akhir Tarikh Penilaian berkaitan hanya akan diketahui pada hari perniagaan seterusnya, penentuan harga unit Dana untuk Tarikh Penilaian berkenaan hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan selepas 2 hari perniagaan seterusnya (T+2).</li></ul>

## TAKAFULINK DANA ASIA

### Maklumat Lain

#### Keadaan Pengecualian

- PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin dimaklumkan kepada Peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.
- PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sivil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran tersebut.

*Senarai keadaan pengecualian di atas adalah tidak lengkap, sila rujuk dokumen sijil anda untuk butiran lanjut.*

### Maklumat Mengenai Dana Sasaran

#### Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund

##### Strategi Pelaburan

Dana Sasaran boleh membuat pelaburan minimum sebanyak 70% dan sehingga maksimum 98% daripada NAV dalam ekuiti patuh Syariah untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang dan sehingga 28% NAV dalam lain-lain pelaburan patuh Syariah yang dibenarkan. Dana Sasaran boleh memilih untuk melabur dalam ekuiti asing patuh Syariah sehingga maksimum 70% NAV. Ekuiti asing patuh Syariah tersebut mestilah sekuriti syarikat yang berdomisil, disenaraikan, dan/atau mempunyai operasi utama di negara-negara rantau Asia Pasifik kecuali Jepun.

“Operasi utama” bermaksud perniagaan utama syarikat. Sebagai contoh, Dana Sasaran boleh melabur dalam syarikat yang mempunyai perniagaan utama dan/atau operasi di Thailand tetapi disenaraikan di Bursa Saham New York. Nilai ambang bagi ‘operasi utama’ adalah sekiranya lebih daripada 25% jumlah perolehan kumpulan diterima dari negara-negara Asia Pasifik kecuali Jepun. Pengiraan akan berdasarkan laporan kewangan terkini yang diterbitkan oleh syarikat (seperti laporan interim dan tahunan).

Dana Sasaran juga boleh memilih untuk mendapatkan pendedahan pelaburan melalui CIS Islam yang selaras dengan objektif Dana Sasaran, tertakluk kepada syarat-syarat Garis Panduan SC. Di samping itu, aset cair Islam boleh digunakan secara strategik jika Pengurus Dana Sasaran merasakan bahawa risiko penurunan pasaran adalah tinggi dalam jangka pendek.

**Penafian:**

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.



# TAKAFUL

## Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Prudential BSN Takaful Berhad** 200601020898 (740651-H)  
Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188  
E-mel: customer@prubsn.com.my

[www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.  
Terbitan Mac 2024.*